

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN(FOKUS HARI INI)

TARIKH: 2 JANUARI 2018

MUKA SURAT:18

## TOL BATU TIGA & SG RASAU DALAM KENANGAN



# Ringankan beban belanja rakyat

### Pemansuhan tol Batu Tiga dan Sg Rasau bukti perjuangan Umno untuk rakyat

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM - Pemansuhan kutipan tol Batu Tiga dan Sg Rasau yang bermula hari ini bakal meringankan beban penduduk sekitar Shah Alam dan Klang khususnya dari segi penjimatan kos perjalanan harian.

Pengerusi Umno Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, usul pemansuhan kedua-dua tol berkenaan yang dibawa setiap tahun oleh Umno Shah Alam akhirnya berjaya direalisasikan oleh kerajaan yang prihatin dengan kehendak rakyat.

"Sekitar Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri telah turun ke sini merasmikan Mesyuarat Umno Bahagian Shah Alam.

"Waktu itu, kita usulkan kalau tidak dapat mansuhkan kedua-dua tol itu, dapat mansuhkan satu tol pun sudah, tetapi dalam diam beliau usahakan dan umumkan pemansuhan kedua-dua tol Batu Tiga



Pemansuhan tol Sungai Rasau secara rasmi tepat pada jam 12 malam dihadiri Noh, Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Azhari Shaari bersama sebahagian pengguna lebuhraya.

dan Sg Rasau.

"Perjuangan rakyat ini akhirnya direalisasikan dan pemansuhan ini pastinya mampu mengurangkan kos sara hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Kesyukuran

Sempena Penutupan Tol Sungai Rasau dan Tol Batu Tiga, tengah malam semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin; Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia,

Datuk Ismail Md Salleh dan Ketua Umno Bahagian Shah Alam, Datuk Azhari Shaari.

Berikutan pemansuhan itu juga, operasi serta penyelenggaraan Lebuhraya Persekutuan diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) dan diwartakan sebagai Jalan Persekutuan.

Dengan pemansuhan kedua-dua tol berkenaan, pengguna jalan raya Kelas 1 yang melalui Sungai Rasau dijangka menikmati penjimatan antara RM92.40 hingga RM126.00 sebulan, manakala bagi laluan tol Batu Tiga, dijangka dapat berjimat antara RM48.40 hingga RM66.00 sebulan.

Sementara itu, Umno Bahagian Shah Alam menyifatkan perjuangan mereka akhirnya berjaya direalisasikan setelah kutipan tol di Plaza Tol Batu Tiga dan Sg Rasau ditamatkan bermula awal pagi kelmarin.

Ketuanya, Datuk Azhari Shaari jelas tidak dapat menyembunyikan

rasa gembira dan terharu setelah perjuangan Umno Shah Alam sejak 2014 agar kedua-dua tol berkenaan dimansuhkan menjadi kenyataan.

"Alhamdulillah, malam ini (semalam) apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Bajet 2018 menjadi kenyataan.

"Saya tak dapat nak gambarkan rasa gembira, rasa terharu dan syukur kerana suara dan desakan yang kita buat secara konsisten saban tahun kepada kerajaan persekutuan mendapat perhatian pimpinan tertinggi.

"Ini menjadi salah satu lagi bukti BN masih relevan untuk terus mendengar dan memperjuangkan nasib rakyat hari ini," katanya.

Simbolik penamatan kutipan tol berkenaan disempumakan Noh Omar sambil disaksikan kira-kira 1,000 orang yang hadir bagi sama-sama merayakan pemansuhan tol dan sambutan tahun baru 2018.

## Cabar mansuh tol milik kerajaan negeri

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (Harapan) digesa untuk memansuhkan kutipan tol milik kerajaan negeri jika benar-benar mahu memperjuangkan kepentingan rakyat khususnya di Selangor.

Ketua Umno Bahagian Kapar, Datuk Faizal Abdullah berkata, tindakan sesetengah pemimpin Harapan yang cuba mengambil kredit berikutan pemansuhan kutipan tol Batu Tiga dan Sg Rasau dianggap memalukan.

"Bila Perdana Menteri umum pemansuhan empat tol termasuk tol Batu Tiga dan Sg Rasau, mereka (Harapan) nak ambil kredit kata ini hasil perjuangan mereka...maka tak malu, mereka kena tahu pemimpin mereka (Tun Mahathir) yang buat semua tol-tol ini dulu.

"Kita cabar kerajaan negeri melalui anak syarikatnya yang merupakan pemegang saham kepada konsesi tertentu kalau betul mereka nak memperjuangkan isu tol sepatutnya mereka juga boleh mansuhkan tol tersebut.

"Hari ini (kelmarin) sepatutnya mereka buat demonstrasi minta penghapusan tol dimiliki kerajaan

negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan sekumpulan penyokong Harapan termasuk beberapa pemimpinnya yang turut berhimpun di Plaza Tol Sg Rasau sempena pemansuhan kutipan tol yang bermula hari ini.

Sementara itu, mengulas berkaitan pemansuhan tol Batu Tiga dan Sg Rasau, Faizal melahirkan penghargaan kepada kerajaan persekutuan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang prihatin dengan kehendak rakyat.

"Kita nak ucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada perdana menteri, melalui Bajet 2018 baru-baru ini telah mengumumkan

kan pemansuhan kutipan tol di empat plaza tol.

"Jelas beliau sangat prihatin dengan desakan yang dibuat oleh BN Selangor khususnya Umno Bahagian Shah Alam, agar kedua-dua tol dalam parlimen Shah Alam ini dimansuhkan.

"Rakyat perlu tahu tol ini merupakan legasi daripada kepimpinan Tun Mahathir yang merupakan Pengerusi Bersatu," katanya.

## Bukti desakan kuasa rakyat berjaya

SHAH ALAM - Pemansuhan kutipan tol di Plaza Tol Batu Tiga dan Sg Rasau merupakan satu titik permulaan untuk rakyat terus tampil dengan desakan seterusnya kepada kerajaan sehinggalah rakyat tidak lagi terbeban dengan kutipan tol harian.

Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail berkata, desakan rakyat tidak akan terhenti dengan pemansuhan kutipan tol di empat plaza tol yang bermula hari ini, sebaliknya akan berterusan bagi memastikan pentadbiran negara dikembalikan dan dibina semula dengan lebih baik.

"Pemansuhan tol ini adalah berkat doa dan dokongan semua di mana desakan demi desakan kita mulakan seawal mungkin sejak 2012, bila mana kita bantah cadangan menaikkan kadar kutipan tol.

"Diarpun akhirnya kadar tidak dinaikkan, tapi malangnya tempoh kutipan tol dipanjangkan hingga 2038...namun hari ini Alhamdulillah, memanglah ini di bawah kerajaan persekutuan tapi jangan lupa yang mulakan tol ini siapa dan memang wajarlah tol ini dimansuhkan demi rakyat.

"Apa kita mahukan ialah desakan seperti ini tak terhenti di sini, kita akan teruskan perjuangan ini satu persatu sehingga dapat kita bina semula Malaysia yang lebih baik bermula di sini," katanya.

Rodziah berkata demikian ketika hadir dan berkumpul bersama



**Bagi saya, ini pastinya gula-gula politik, saya cabar BN kalau benar nak bantu rakyat, mansuhkan semua tol sekarang juga, mansuhkan tol yang lain secepat mungkin.** - Rodziah

nya dengan satu atau dua tol dimansuhkan, saya juga ingatkan kerajaan BN supaya tidak menindas rakyat melalui mana-mana tol yang ada sekarang dengan menaikkan kadar tol atau melanjutkan tempoh kutipan," katanya.

Manakala, Ketua Bersatu Bahagian Shah Alam, Mohd Hamidi Abu Bakar menyangkal dakwaan bahawa Umno Shah Alam yang memulakan perjuangan agar kedua-dua tol itu dimansuhkan.

Sebaliknya, Mohd Hamidi yang merupakan bekas ahli Umno menjelaskan, perkara itu telah diperjuangkan lebih awal oleh PKR melalui Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail.

"Saya sebelum ini dalam Umno dan ada pegang jawatan, jadi saya tahu cerita sebenar, ini saya nak buat pengakuan yang sebenarnya YB Rodziah lebih dulu yang mulakan desakan untuk mansuhkan tol ini," kata beliau lagi.

FAIZAL